

0169

U B287 DEB
PAIRIN - JAMINAN
(1)

KUALA LUMPUR, 1 NOV (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MEMBERI JAMINAN BAHAWA KERAJAAN PERSEKUTUAN AKAN MEMBANTU KERAJAAN NEGERI SABAH MEREDAKAN KETEGANGAN DI NEGERI ITU, KATA KETUA MENTERINYA, DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN HARI INI.

WALAU BAGAIMANAPUN, PERDANA MENTERI TELAH MEMINTANYA Mencari JALAN UNTUK MENJAMIN KESTABILAN DI NEGERI ITU, KATA DATUK PAIRIN PADA SIDANG AKHBAR DI SINI SELEPAS PERTEMUAN LEBIH SATU JAM DENGAN PERDANA MENTERI DI PEJABATNYA DI SINI.

DATUK PAIRIN BERKATA BAHAWA PERTEMUANNYA DENGAN DATUK SERI DR. MAHATHIR TELAH MENYELESAIKAN BEBERAPA MASALAH YANG WUJUD DALAM HUBUNGANNYA DENGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN.

KATANYA, SEBAGAI CONTOH, PERTEMUAN ITU DAPAT MENGURANGKAN KERAGUAN KERAJAAN PERSEKUTUAN MENGENAI KERAJAAN BARU ITU YANG BUKANNYA PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL.

MENURUT DATUK PAIRIN, DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMINTANYA +JANGAN BIMBANG+ MENGENAI PERMOHONAN PARTI BERSATU SABAH (PBS) UNTUK MENYERTAI BN KERANA PERMOHONAN ITU MASIH TERBUKA. -- LAGI.

PAIRIN - JAMINAN 2 KUALA LUMPUR
(1)

MENGENAI KECENDERUNGAN PARTI-PARTI POLITIK MENGAMBIL TINDAKAN MAHKAMAH UNTUK MENYELESAIKAN ISU POLITIK, BELIAU BERKATA BAHAWA PERDANA MENTERI TELAH MEMBAYANGKAN KEBIMBANGANNYA MENGENAI PERKARA ITU.

DATUK PAIRIN MENYIFATKAN PERTEMUANNYA DENGAN PERDANA MENTERI BERLANGSUNG DALAM SUASANA +JUJUR DAN TERBUKA+ DAN BELIAU TELAH MENJELASKAN KEPADA PERDANA MENTERI MENGENAI KEADAAN DI SABAH.

KETUA MENTERI ITU AKAN BERLEPAS PULANG HARI INI SELEPAS BERADA DI SINI SELAMA TIGA HARI KERANA MENGHADIRI SEMINAR ANJURAN INSTITUT STRATEGI DAN KAJIAN ANTARABANGSA (ISIS). -- BERNAMA.

1906MST 01 11 85